Pada 23 Januari lalu, polis Johor mendedahkan kejayaan menahan dua lelaki tempatan yang juga dalang sindiket pemerdagangan orang, serta menyelamatkan empat warga asing orang kurang upaya (OKU) yang dijadikan pengemis sekitar bandar raya ini.

Kedua-dua lelaki berusia 39 dan 79 tahun itu ditahan dalam serbuan di dua rumah di Taman Abad dan Taman Century di sini, menerusi Op Mega Pintas antara jam 8 malam hingga 11.45 malam.

Mereka ditahan kerana disyaki terbabit dengan sindiket pemerdagangan orang iaitu eksploitasi pengemis warga China di sekitar bandar raya ini.

Dalam serbuan itu polis berjaya menyelamatkan masing-masing dua lelaki dan wanita warga China berusia antara 36 hingga 61 tahun yang juga OKU fizikal dan lumpuh.

**Disiarkan pada: Mac 16, 2024 @ 12:00pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘LANGKAH BERTENTANGAN USAHA LINDUNGI WANITA, KANAK-KANAK’ | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Usul pinda Perlembagaan Persekutuan berkaitan kewarganegaraan

# ‘Langkah bertentangan usaha lindungi wanita, kanak-kanak’

## GERAKAN dakwa wanita kahwin warga asing berpotensi dilucutkan kewarganegaraan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my




*Lau (tengah) bersama Timbalan Presiden GERAKAN, Oh Tong Keong (kiri) dan Setiausaha Agung GERAKAN, Loh Kah Yong pada sidang media di Ibu Pejabat GERAKAN Pulau Pinang, semalam.* (Foto Danial Saad/BH)

**Georgetown:** Keputusan kerajaan meneruskan usul meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan kewarganegaraan, bertentangan dengan usaha melindungi wanita dan kanak-kanak bawah umur.

Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai, berkata usul itu meletakkan wanita yang baru berkahwin terdedah kepada ‘risiko’ dilucutkan kewarganegaraan, selain perlu bergantung atas belas ihsan suami jika berlaku perceraian sebelum tempoh baharu dicadangkan, iaitu dua tahun dari wanita berkenaan mendapat kewarganegaraan.

“Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan dan situasi ini seolah-olah memerangkap wanita terbabit serta mengancam mereka tanpa kerakyatan.

“Satu lagi pindaan, Malaysia selaku negara yang menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai hak kanak-kanak, ini bermakna agensi kerajaan berkaitan wajib membantu kanak-kanak tanpa kerakyatan menerima bantuan diperlukan, misalnya dalam soal kewarganegaraan untuk mendapat kehidupan di Malaysia.

“Jika kita teliti, kebanyakan kanak-kanak tanpa kerakyatan sesuai dengan definisi sebagai rakyat Malaysia kerana mereka bertutur bahasa Malaysia, mengamalkan adat resam kita dan dalam beberapa kes, kanak-kanak berkenaan tidak dapat menikmati hak kewarganegaraan kerana keadaan di luar kawalan mereka,” katanya.

Lau berkata demikian selepas menghadiri Mesyuarat Ahli Jawatankuasa GERAKAN Pusat di Ibu Pejabat GERAKAN Pulau Pinang di sini, semalam.

Isnin lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata, komposisi penduduk di negara ini, terutama dengan adanya 3.5 juta warga asing, memerlukan kerajaan membuat pindaan kepada Jadual Kedua, Bahagian III, Seksyen 19(b) Perlembagaan Persekutuan, yang ketika ini memberi kewarganegaraan kepada kanak-kanak terdampar menerusi penguatkuasaan undang-undang.

### Perkara sia-sia

Lau berkata, kerajaan mempunyai kuasa untuk memberi kanak-kanak terdampar di negara ini peluang kedua dalam kehidupan mereka melalui Perkara 15A, dengan mendaftarkan mereka yang berusia di bawah 21 tahun selepas mengambil kira keadaan mereka.

Beliau mengakui pemberian kewarganegaraan melalui cara berkenaan satu tugas sukar, namun berpendapat pindaan untuk mengurangkan had usia pendaftaran kewarganegaraan daripada 21 tahun kepada 18 tahun adalah perkara sia-sia.

“Ini hanya mengurangkan peluang mereka dalam proses permohonan dan saya melihat tiada pemenang daripada keputusan sedemikian,” katanya.



BERITA

# Pindaan hak kewarganegaraan: 'Wanita asing boleh jadi tiada kerakyatan'

Diterbitkan: Mar 16, 2024 5:56 PM · Dikemaskini: 5:58 PM

Cadangan pindaan perlembagaan mengenai hak kewarganegaraan turut mendapat kritikan Gerakan hari ini, yang menyifatkan ia berisiko mendatangkan keburukan kepada wanita asing yang berkahwin dengan lelaki tempatan, serta kanak-kanak.

Presidennya Dominic Lau membangkitkan cadangan peruntukan untuk melucutkan status kewarganegaraan wanita dari negara luar jika dia bercerai dalam tempoh dua tahun selepas mendapat kerakyatan.

"Malaysia sebuah negara yang tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan, (maka) pindaan dan situasi ini memerangkap mereka dan memberi kesan kemungkinan untuk mereka tiada kerakyatan mana-mana negara.

"Saya juga ingin bertanya adakah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Nancy Shukri) telah bersuara untuk menentang ketidakadilan ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Lau merujuk cadangan pindaan terhadap Perkara 26(2) Perlembagaan Persekutuan, yang berkaitan dengan Perkara 15(1).

Perkara 15(1) menyatakan wanita bukan warga Malaysia boleh memohon status kewarganegaraan jika dia berkahwin dengan rakyat Malaysia, tertakluk kepada syarat tertentu.

Perkara 26(2) pula menyatakan kerajaan boleh menolak permohonan itu jika mendapati perkahwinan telah dibubarkan dalam tempoh dua tahun dari "tarikh perkahwinan".

Pindaan itu ingin mengubah perkataan "tarikh perkahwinan" kepada "tarikh mendapat kewarganegaraan".

Ini bermakna kerajaan boleh membatalkan kewarganegaraan yang diberikan kepada isteri dari negara luar jika perkahwinannya dibubarkan dalam tempoh dua tahun selepas dia mendapat status kewarganegaraan tersebut.

**Boleh disalah guna**

Pada 11 Mac lalu, Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution Ismail mempertahankan cadangan pindaan itu yang telah mendapat kritikan sejumlah pihak.

Dia turut mempertahankan pindaan berkenaan hak kewarganegaraan untuk anak terbuang, dengan berkata ia untuk mengelakkan daripada disalah guna warga asing.



Saifuddin Nasution Ismail

Menurutnya, ada kes di mana pasangan warga asing meninggalkan anak mereka yang baru lahir di hospital kerajaan.

Dia mendakwa perkara itu dilakukan secara sengaja agar anak tersebut secara automatik mendapat kewarganegaraan Malaysia, mengikut Seksyen 19B Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun sejumlah aktivis menepis kenyataan itu, antaranya Pengarah Perlindungan Sosial Persatuan Jaringan Pembangunan Sumber Manusia Luar Bandar (DHRRA) Maalini Ramalo.

Menurut Ramalo, Seksyen 19B - seperti dipetik Saifuddin - tidak terpakai kepada bayi warga asing yang "ditinggalkan" di hospital.

"Jika jelas ibu bapa tersebut adalah warga asing, maka kerajaan sepatutnya ambil langkah sewajarnya. Jika kerajaan ada maklumat jelas menunjukkan ibu dan bapa itu warga asing dan telah abaikan anak, mengapa (kerajaan) tak dapat kesan mereka?

"Ini dengan mengambil kira tanggungjawab kerajaan untuk mengawal sempadan dan memantau pergerakan migran - aspek yang berkait secara langsung dengan penguatkuasaan undang-undang," katanya.

Berkenaan isu anak terbuang, Lau mengingatkan kerajaan bahawa Malaysia menandatangani Konvensyen PBB mengenai Hak Kanak-kanak, justeru bertanggungjawab untuk membantu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan untuk mendapat status itu.

"Jika kita teliti, kebanyakan kanak-kanak tanpa kerakyatan sesuai dengan definisi sebagai rakyat Malaysia.

"Mereka bertutur Bahasa Malaysia, mengamalkan adat resam kita, dan dalam beberapa kes kanak-kanak tersebut tidak dapat menikmati hak kewarganegaraan kerana keadaan di luar kawalan mereka.

"Kerajaan diberi kuasa untuk memberi mereka peluang kedua dalam kehidupan mereka melalui Perkara 15A, dengan mendaftarkan mereka yang berumur bawah 21 tahun selepas mengambil kira keadaan mereka," kata Lau.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 16,624 PENERIMA BANTUAN JKM BAKAL TERIMA SUMBANGAN SEJAMBAK KASIH AIDILFITRI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 16,624 penerima bantuan JKM bakal terima sumbangan Sejambak Kasih Aidilfitri



**SANTUNI:** Fatimah menyampaikan sumbangan kepada penerima sambil disaksikan oleh Dr Abdul Rahman pada Majlis Sejambak Kasih Aidilfitri Bahagian Kuching di Masjid Darul Hana, semalam.

**KUCHING:** Seramai 16,624 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Sarawak akan menerima sumbangan sempena Program Sejambak Kasih Aidilfitri bagi tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ia membabitkan peruntukan berjumlah RM1,662,400.

"Daripada jumlah itu, seramai 4,524 penerima dari bahagian Kuching, Samarahan (2,486), Serian (349), Sri Aman (734) dan Betong (2,2160.

"Turut menerima sumbangan, Sarikei seramai 359 orang, Sibu (759), Mukah (2,374), Kapit (98), Bintulu (601), Miri (967) dan Limbang (1,157)," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sejambak Kasih Aidilfitri Bahagian Kuching yang turut dihadiri Timbalan Menteri Utiliti dan Komunikasi (Utiliti) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi di Masjid Darul Hana di sini, semalam.

Fatimah berkata, sumbangan itu diberikan bagi meringankan beban kewangan serta menceriakan penerima bantuan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri akan datang.

"Kementerian setiap tahun komited membantu meningkatkan kualiti hidup keluarga yang kurang berkemampuan.

"Justeru, pada majlis hari ini (semalam), seramai 150 orang penerima bantuan bulanan kebajikan Bahagian Kuching akan menerima sumbangan tersebut berupa wang tunai RM100, selain hamper bernilai RM80," katanya.

Sementara itu, Fatimah memberitahu sejak Januari hingga Februari 2024, JKM Sarawak telah menyalurkan perbelanjaan sebanyak RM42,963,250 untuk 54,040 penerima bantuan bulanan di seluruh negeri ini.

"Penerima-penerima bantuan tersebut terdiri daripada Bantuan Warga Emas (BWE), Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Top Up (Kerajaan Negeri), Bantuan Am (BA), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU), Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Top Up (Kerajaan Negeri), Bantuan Anak Pelihara (BAP) dan Bantuan Belia-Beliawanis (BBB)," jelasnya.

Lihat Muka 2

# 16,624 penerima bantuan JKM bakal terima sumbangan Sejambak Kasih Aidilfitri

Dari Muka 1

Untuk makluman tambahnya, Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kuching telah menyalurkan perbelanjaan RM4,250,000 untuk 10,601 penerima bantuan bulanan dari tempoh Januari hingga Mac tahun ini.

Beliau dalam pada itu turut menyeru ahli-ahli isi rumah iaitu klien JKM Sarawak untuk menyertai Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) bagi membantu menambah pendapatan keluarga dan tidak lagi bergantung kepada bantuan bulanan kebajikan semata-mata.

Katanya, PLKK itu adalah di bawah Program Pembangunan Ekonomi (PE) yang diperkenalkan sejak tahun 2014 untuk membantu penerima bantuan menambah pendapatan serta keluar dari kancah kemiskinan.

"Ia menyasarkan anak-anak klien menjalani latihan kemahiran seperti dalam minyak dan gas, perancahan dan sebagainya yang akhirnya ditawarkan dengan pekerjaan.

"Maka, besarlah harapan kita untuk melihat lebih ramai ahli isi rumah iaitu klien Jabatan menyertai program seumpana ini kerana peluang ini hanya terbuka kepafa klien Jabatan sahaja iaitu penerima bantuan bulanan kebajikan, bekas penghuni institusi kebajikan dan bekas pelatih Perintah Khidmat Masyarakat," katanya.

# Fatimah: Over RM1.6 mln cash aid to be disbursed under the Sejambak Kasih Aidilfitri programme

BY SAMUEL AUBREY ON MARCH 16, 2024, SATURDAY AT 5:55 PM SARAWAK



*Fatimah (third right) hands over the Sejambak Kasih aid to a recipient while Dr Abdul Rahman (second left) looks on.*

KUCHING (March 16): A total of RM1.662 million in cash aid will be disbursed to 16,624 people under the Sejambak Kasih Aidilfitri programme, said Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Dato Sri Fatimah Abdullah.

She said the recipients of the cash aid comprised those who are registered to receive monthly welfare assistance from Sarawak Social Welfare Department (JKMS).

"Of that number, a total of 4,524 recipients are from Kuching, Samarahan (2,486), Serian (349), Sri Aman (734) and Betong (2,160).

"Also receiving this contribution are in Sarikei totaling 359 people, Sibu (759), Mukah (2,374), Kapit (98), Bintulu (601), Miri (967) and Limbang (1,157)," she said at the Kuching Division-level Sejambak Kasih Aidilfitri event at Masjid Darul Hana here.

Also present was Deputy Minister of Utility and Telecommunications Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi who is also Pantai Damai assemblyman.

Fatimah explained that the Sejambak Kasih assistance is given during major festivities including Gawai and Chinese New Year to ease the financial burden as well as cheer up the aid recipients during festive seasons.

"Every year, the ministry is committed to helping improve the quality of life of less fortunate families," she said, adding that the recipients also received hampers in addition to cash aid.

On another matter, Fatimah revealed that from January to February 2024, JKMS has disbursed funds amounting close to RM43 million for 54,040 recipients of monthly assistance throughout the state.

She added that the Elderly Aid Scheme recorded the highest allocation of RM20.4 million.

Other assistance schemes include General Assistance, Disabled People's Assistance and Child Assistance.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POSTNATAL CARE CENTRE EYES OPENING NEW BRANCH IN PETRA JAYA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Postnatal care centre eyes opening new branch in Petra Jaya

**KUCHING:** The management of Aisha Confinement Centre (ACC) has expressed its desire to establish another postnatal care centre with halal certification for postpartum mothers in Petra Jaya.

This was revealed by its managing director Datuk Rodziah Morshidiin her speech for the opening ceremony of the centre, located at Jalan Luis in Kempas Heights here yesterday.

"In the future, we hope to open another facility in Petra Jaya for the Muslim community, but that mostly depends on the performance of the centre here first," she said.

Rodziah had previously expressed her desire to open the first centre in Petra Jaya, but she was unable to find a suitable location.

Through discussions with ACC director Yek Chu Tiing and several stakeholders, they agreed to use the Tulip MaMa House branch in Kempas Heights.

ACC had obtained the halal certification in November last year, and on the core operation, Rodziah said the focus was on the health and well-being of mothers and newborn babies during postpartum.

Adding on, Rodziah also called for the MamaCare programme under the National Population and Family Development Board (LPPKN) to be continued nationwide.

Meanwhile in her speech, Deputy Minister for Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak Datuk Rosey Yunus said the support system provided by the ACC should be able to help improve a mother's well-being.

"The government cannot afford to fund all the needs required by everyone across every layer of society.

"Therefore, the ACC serves as a support system in this area," she added.

Rosey added that it was also important for a mother to recover well during her confinement.

"The support system provided at the ACC ensures that the mother is properly taken care of, with her getting adequate food and rest because when she is healthy, the whole family is healthy as well."

According to Rosey, the state government provides Post-Natal Assistance (BIB) of RM450, claimable by every Sarawakian woman within three months after childbirth, along with the Endowment Fund Sarawak (EFS) worth RM1,000 for every Sarawakian child.




**Rosey (fifth right) cuts the ribbon to officiate at the opening ceremony of ACC at Jalan Luis Street, Kempas Heights in Kuching, witnessed by Rodziah (sixth left) and others.**

# Aisha Confinement Centre mahu buka cawangan di Petra Jaya

2024-03-16T15:50:09+08:00



Rosey (tiga kanan) memotong reben sebagai simbolik perasmian Aisha Confinement Centre di Jalan Luis, Kempas Heights hari ini. Turut kelihatan, Rodziah (lima kiri) serta yang lain.

KUCHING: Pengurusan Aisha Confinement Centre menyatakan hasrat untuk menubuhkan sebuah lagi pusat berpantang yang mempunyai pensijilan halal bagi golongan ibu selepas bersalin di Petra Jaya.

Perkara tersebut didedahkan oleh Pengarah Urusan Aisha Confinement Centre Datuk Rodziah Morshidi pada majlis perasmian pusat berkenaan di Jalan Luis, Kempas Heights di sini, hari ini.

"Kita mahu buka satu lagi di Petra Jaya pada masa hadapan untuk komuniti Islam di sana tetapi ia banyak bergantung dengan prestasi yang berlaku di sini terlebih dahulu," ujarnya.

Beliau sebelum ini turut menyatakan keinginan pihaknya untuk membuka cawangan yang pertama di Petra Jaya tetapi tidak menemui lokasi bersesuaian.

Justeru, menerusi perbincangannya bersama Pengarah Aisha Confinement Centre Yek Chu Tiing dan beberapa pihak berkepentingan, mereka telah bersetuju untuk menggunakan Tulip MaMa House Cawangan Kempas Heights.

Pensijilan halal Aisha Confinement Centre telah diperolehi sejak November 2023 dan memfokuskan kepada kebersihan dan kesihatan ibu berpantang dan bayi yang dilahirkan.

Rodziah turut menggesa sekiranya Program MamaCare di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) diteruskan di seluruh negara.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak Sarawak Datuk Rosey Yunus percaya sistem sokongan yang disediakan oleh pusat berkenaan dapat membantu mensejahterakan seorang ibu.

"Kerajaan tidak mampu untuk membiayai kesemua keperluan yang diperlukan oleh setiap lapisan masyarakat.

"Justeru, Aisha Confinement Centre menjadi sistem sokongan kepada inisiatif kekeluargaan ini," tambahnya.

Ujar beliau adalah penting untuk seorang wanita atau ibu untuk pulih sepanjang tempoh berpantang untuk menjaga kesejahteraan keseluruhan keluarganya.

"Dengan adanya sistem sokongan seperti ini, kita pasti ibu tersebut akan dijaga sepenuhnya dengan makanan dan diet yang cukup. Maknanya ibu boleh berehat.

"Bila ibu sihat, seluruh keluarganya juga sihat. Ini apa yang kita mahu.

"Pada masa yang sama, bukan senang untuk mencari pembantu rumah hari ini," tegasnya sambil menyatakan ramai golongan nenek hari ini masih di tahap produktif dan keluar bekerja.

Tambahan pula katanya, kerajaan negeri turut menyediakan Bantuan Ibu Bersalin (BIB) berjumlah RM450 yang perlu dituntut dalam tempoh tiga bulan selepas bersalin.

"Juga Endowment Fund Sarawak (EFS) berjumlah RM1,000 perlu dituntut oleh ibu dan bapa untuk bayi mereka dalam tempoh satu tahun selepas bersalin," ujarnya.

# SKMM turunkan 640 bahan penganiayaan seksual kanak-kanak dalam talian

16 Mac 2024, 8:43pm




*Ketua Jabatan Pusat Keselamatan Komunikasi SKMM, Saidatul Ashikin Abu Hassan (kiri) pada sesi forum di Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. – FOTO: NSTP*

SHAH ALAM: Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) menurunkan sebanyak 640 kandungan dalam talian membabitkan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak bagi tempoh 2023 hingga 1 Mac tahun ini.

Ketua Jabatan Pusat Keselamatan Komunikasi SKMM, Saidatul Ashikin Abu Hassan berkata tindakan berkenaan adalah sebahagian daripada penguatkuasaan bagi membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak oleh agensi itu.

Ia dilakukan hasil kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Polis Antarabangsa (INTERPOL).

“Ini merangkumi aspek penguatkuasaan dan tindakan sekatan terhadap kandungan atau laman sesawang berkaitan pedofilia dan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak,” kata Saidatul Ashikin.

Beliau berkata demikian dalam Forum Ke Arah Melindungi Kanak-Kanak Usahasama, Peranan dan Sokongan Pihak Berkepentingan di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), di sini hari ini.

Ia diadakan semasa Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual.

Pada forum itu, Saidatul Ashikin mendedahkan satu kajian oleh ECPAT, INTERPOL dan UNICEF menunjukkan sekurang-kurangnya empat peratus kanak-kanak Malaysia yang juga pengguna aktif internet mengalami empat jenis eksploitasi seksual.

“Yang pertama, mereka ditawarkan hadiah atau wang untuk berkongsi gambar dan video seksual mereka dan yang kedua ialah mereka ditawarkan hadiah untuk melakukan perbuatan seksual secara peribadi.”

“Seterusnya ialah ‘sextortion’ di mana mereka akan memeras ugut kanak-kanak. Yang terakhir, mereka akan menghubungi kanak-kanak itu semula dan mengugut mereka jika mereka tidak berkongsi (gambar bogel) mereka akan menyebarkan gambar itu kepada ibu bapa dan rakan sekolah mereka,” katanya.

Jelas Saidatul Ashikin, kerana tidak mahu mengecewakan ibu bapa mereka, kebiasaannya kanak-kanak terbabit berulang kali bersetuju dengan pelakunya.

Sementara itu, Saidatul Ashikin turut meminta guru-guru memberi penerangan kepada ibu bapa mengenai keselamatan internet menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Katanya ia merupakan perkara asas penting yang kurang dititikberatkan dalam masyarakat dan perlu diubah.

# Wanita semakin kuat hadapi cabaran hidup



WANITA telah berjaya dalam segala sektor dan mampu untuk lebih maju ke hadapan.

Oleh Meja Rencana 18 Mac 2024, 9:00 am

SAUDARA PENGARANG,

SERINGKALI kita dengar wanita dihadapkan dengan isu dan cabaran dalam membesarkan keluarga, menyeimbangkan antara kerja dan keluarga, keperitan hidup, keganasan rumah tangga, kurang dalam memberikan tumpuan kepada kesihatan diri, penjagaan kendiri serta ketidaksamarataan dalam kerjaya.

Pemerkasaan wanita penting dalam memastikan negara terus diterajui oleh wanita yang menyumbang secara signifikan untuk pembangunan negara. Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) turut memberi penekanan ke arah memperkasa peranan wanita bagi membolehkan mereka bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Teknik pertama adalah mempunyai kuasa atas sesuatu *(power over)*. Ini membantu wanita sedar bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk mengubah apa yang mereka inginkan kepada sesuatu yang positif. Seterusnya, wanita perlu memperkasakan diri untuk bertindak dan tidak hanya duduk diam dan biarkan diri ditindas.

Tindakan diambil perlulah sesuatu yang positif dan membolehkan mereka menjalankan kehidupan yang lebih sejahtera. Selain itu, wanita juga perlu mempunyai rangkaian sosial atau hubungan yang kukuh dengan rakan atau masyarakat. Ini adalah kerana, sokongan sosial amat diperlukan dalam menghadapi apa sahaja rintangan dan masalah.

Akhir sekali, wanita digalakkan untuk terus mencari ilmu pengetahuan kerana ini memberikan kekuatan dalaman dan pemikiran yang rasional sekiranya berdepan dengan masalah. Penyelesaian dan langkah terbaik yang perlu diambil juga boleh dihasilkan.
Wanita yang rasional, pandai menguruskan emosi dan bijak dalam pengurusan kehidupan seharian dapat membuat keputusan yang baik dalam segala tindakan.

Walaupun wanita sering dianggap lemah, kini kata-kata tersebut tidak lagi boleh digunapakai, kerana telah terbukti wanita telah berjaya dalam segala sektor dan mampu untuk lebih maju ke hadapan selaras dengan tema hari wanita di Malaysia tahun 2024, Wanita Dijulang Negara Gemilang.-UTUSAN

DR. AZMAWATY MOHAMAD NOR
Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)
di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
& Ahli Lembaga Kaunselor Malaysia

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MINISTER CALLS ON TEACHERS TO HELP ERADICATE SEXUAL CRIMES AGAINST CHILDREN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Minister calls on teachers to help eradicate sexual crimes against children

**SHAH ALAM:** Minister in Prime Minister's Department (Law and Institutional Reforms) Datuk Seri Azalina Othman Said has called upon educators, particularly teachers, to cooperate in reporting incidents of sexual crimes against children within school premises.

She says the department has found that such cases often go unreported by educators, thereby hindering authorities from protecting victims and taking action against the perpetrators.

She stresses that educators need to understand that they can also be prosecuted if they choose not to intervene in such complaints or disclosures received from students, as stipulated in Section 19 of the Sexual Offenses Against Children Act 2017 (Act 792).

"We hope that during the eight hours they are at school, teachers and principals can be our eyes and ears to help us find a solution to these crimes. We want more reports from the teachers.

"The perpetrator is certainly at fault. But teachers, do not stay silent and refrain from intervening because that is also an offence... because if you know and you don't report, then you will be charged," she said at a press conference after the Convention on the Protection of Pupils from Sexual Exploitation, here yesterday.

Also present at the convention, aimed at enlightening educators about the importance of compliance with Section 19 of Act 792, were Education Minister Fadhlina Sidek, Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, and Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Section 19 of Act 792 stipulates penalties for individuals who neglect to disclose information regarding the actions or intentions of others to commit an offence.

The Act also requires anyone with such information to report it to the nearest police station, and failure to do so may result in a maximum fine of RM5,000 upon conviction.

According to Azalina, the Legal Affairs Division is dedicated to collaborating with other pertinent ministries to ensure that the legislation under the Act effectively impacts society as intended.

"That's why we're taking a different approach this time, collaborating with all relevant parties, not only to have good laws but also to ensure that schools and teachers assist us in implementing such laws," she added. — Bernama




Azalina reminds the educators that they can also be prosecuted if they choose not to intervene in such complaints or disclosures received from students, as stipulated in Section 19 of the Sexual Offenses Against Children Act 2017 (Act 792) — Bernama photo

# Azalina saran guru bantu banteras jenayah seksual kanak-kanak

Bernama
Mac 16, 2024 19:05 MYT




*Azalina semasa sidang media pada Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, hari ini. - Foto Bernama*

**SHAH ALAM:** Warga pendidik khususnya guru disaran memberi kerjasama melaporkan kejadian jenayah seksual membabitkan kanak-kanak sekolah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said ini kerana dapatan pihaknya mendapati kes sedemikian gagal dilaporkan oleh warga pendidik sekali gus menyukarkan pihak berkuasa melindungi mangsa serta mengambil tindakan terhadap pelaku.

Beliau berkata para pendidik perlu tahu bahawa mereka juga boleh didakwa sekiranya mengambil sikap tidak ingin masuk campur terhadap aduan atau luahan daripada murid yang mendakwa menjadi mangsa jenayah itu sebagaimana diperuntuk di bawah Seksyen 19 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792).

"Harapan kita ialah dalam tempoh lapan jam mereka berada di sekolah, cikgu dan guru besar boleh menjadi mata dan telinga untuk membantu kami mencari penyelesaian kepada kes jenayah itu... Kami mahu lebih ramai guru tampil membuat laporan berhubung perkara itu.

"Yang pemangsa itu dah tentu salah tetapi cikgu-cikgu janganlah diam dan tak ingin masuk campur kerana ia adalah satu kesalahan... kerana jika anda tahu dan anda tidak melaporkannya, anda boleh didakwa," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Ekploitasi Seksual di sini hari ini.

Turut hadir pada konvensyen yang bertujuan memberi penerangan kepada warga pendidik mengenai kepentingan pematuhan Seksyen 19 itu ialah Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Untuk rekod, Seksyen 19 memperuntuk hukuman ke atas mana-mana individu yang tidak memberikan maklumat mengenai perlakuan atau niat mana-mana individu lain untuk melakukan kesalahan itu.

Akta itu juga menghendaki mana-mana orang yang mempunyai maklumat sedemikian melaporkannya di balai polis berdekatan dan jika gagal berbuat demikian, boleh disabitkan kesalahan serta berdepan denda maksimum RM5,000.

Azalina juga berkata Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEU) akan terus menjalin kerjasama dengan kementerian lain yang berkaitan bagi memastikan undang-undang di bawah akta itu mempunyai impak sepatutnya dalam kalangan masyarakat.

"Sebab itu kami mengambil pendekatan berbeza kali ini iaitu bekerjasama dengan semua pihak berkaitan iaitu bukan hanya memiliki undang-undang yang bagus malah memastikan pihak sekolah dan para guru akan membantu kami dalam melaksanakannya," kata beliau.

Fadhlina pula berkata pihaknya sedang berusaha untuk menambah bilangan guru kaunseling terlatih bagi memenuhi keperluan semasa melibatkan pelbagai isu termasuk kesihatan mental dan disiplin murid.

Beliau berkata para pendidik juga sering diingatkan agar memberi lebih perhatian terhadap murid di sekolah dan mengamalkan sikap ambil tahu jika mendapati wujud tanda-tanda jenayah seksual berlaku terhadap kanak-kanak di sekolah masing-masing.

Terdahulu, konvensyen sehari itu menyaksikan pemeteraian kerjasama di antara BHEU dengan Kementerian Pendidikan (KPM) berhubung perkongsian data dan statistik kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak, memperbaharui modul latihan untuk guru serta warga KPM selain penganjuran program kesedaran mengenai hak kanak-kanak dan keselamatan diri.

Kerjasama yang membuktikan komitmen kerajaan bagi memastikan keselamatan kanak-kanak dalam sistem pendidikan itu akan berlangsung untuk tempoh dua tahun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEKOLAH GAGAL LAPOR KES SEKSUAL BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Dr Wan Azizah, Amirudin (kanan), Fadhlina (tiga dari kanan) dan Azalina pada Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, semalam* (Foto BERNAMA)

# Sekolah gagal lapor kes seksual boleh dikenakan tindakan

## Pentadbir tak perlu bimbang buat laporan kerana dilindungi undang-undang

**Oleh Ruwaida Md Zain**
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Guru dan pentadbir sekolah boleh dikenakan tindakan sekiranya gagal membuat laporan polis mengenai kewujudan kes jenayah seksual membabitkan kalangan pelajar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata ianya selaras dengan Seksyen 19 Akta Kesalahan- kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

"(Menjadi) satu kesalahan jika ada di antara anda (guru, sekolah) tidak melaporkannya, sedangkan anda mengetahuinya.

"Mereka (guru, sekolah) tidak perlu bimbang untuk buat laporan. Kita sudah maklumkan undang-undang akan melindungi mereka. Laporan itu akan dinilai dan disiasat.

"Jadi, kita mahu guru menjadi mata dan telinga kepada murid-murid dalam membantu (pihak berkuasa menangani jenayah seksual terhadap murid sekolah)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan perasmian Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah , di sini, semalam.

Yang turut hadir Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

### Cabaran tangani kes jenayah

Mengulas lanjut, Azalina pada masa sama mengakui, antara cabaran besar dihadapi pihaknya dalam menangani kes jenayah seksual itu adalah adalah elemen keseimbangan.

"Ini kerana mereka (guru dan pentadbir sekolah) berasa tidak mahu terbabit (dalam kes membabitkan murid), tidak mahu mewujudkan budaya jaga tepi kain orang.

"Banyak persepsi, takut kena marah, takut kena saman. Tetapi membuat laporan (polis) tidak bermaksud perlu didedahkan secara terbuka kepada umum.

"Guru-guru kena main peranan kerana kita perlu memaklumkan pelakunya ada di luar sana dan undang-undang ada," katanya.

Kes jenayah seksual di sekolah yang dilaporkan sehingga 2023 sebanyak 1,570 kes dengan 110 kes membabitkan kanak-kanak bawah umur enam tahun.

Selain itu, statistik yang dilaporkan dari 2017 hingga 2023 menunjukkan peningkatan kes jenayah seksual yang membimbangkan dengan 6,990 mangsa adalah kanak-kanak di mana sebahagian besar mangsa berusia 13 hingga 15 tahun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARNING TO TEACHERS ABOUT SEXUAL ABUSE, HARASSMENT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 01&07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warning to teachers about sexual abuse, harassment

THOSE who keep silent about such cases or are themselves perpetrators will be prosecuted and lose their jobs, say two ministers.

» REPORTS BY IYLIA MARSYA ISKANDAR ON PAGE 7





*Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said (left) and Education Minister Fadhlina Sidek signing a memorandum of understanding on the collaboration between their ministries at the Convention on the Protection of Students from Sexual Exploitation in Shah Alam yesterday. With them are Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.* PIC BY FAIZ ANUAR

ACTION AGAINST THOSE WHO CONCEAL CASES

# REPORT SEX ABUSE CASES, AZALINA WARNS

Teachers should play their role to protect children, says minister in PM Dept

IYLIA MARSYA ISKANDAR
**SHAH ALAM**
news@nst.com.my

THE government will go after teachers and school administrators who fail to report sexual abuse cases among students, said Datuk Seri Azalina Othman Said yesterday.

The minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform), in her warning to teachers who conceal or don't report sexual abuse cases, said action would be taken against them under Section 19 of the Sexual Offences Against Children Act 2017 (Act 1972).

She said one challenge in combating sexual crimes against children was underreporting.

"If you know (of students experiencing sexual abuse) and you don't report it, you will be charged.

"We will go after you for not reporting. So you better report, because the law says you must report," she said after launching the Convention on the Protection of Students from Sexual Exploitation here yesterday.

Her ministry and the Education Ministry organised the convention to boost awareness among teachers and school administrators about the law and sexual exploitation involving children.

Azalina and Education Minister Fadhlina Sidek had signed a memorandum of understanding of their ministries' collaboration.

According to Section 19 of the act, anyone who is aware of sexual abuse against children but fails to report the matter to the police, can be charged in court and if convicted, fined up to RM5,000.

Azalina said the law would protect informants, adding that teachers should work with the ministries to protect children.

"Reporting doesn't mean you're guilty.

"So we want teachers to be the eyes and ears of children to help them because we are worried about underreporting.

"As far as the law is concerned, the law is good," she said, adding that teachers should not focus only on teaching.

She added that teachers should not worry about being a "busybody" as they should play their role to protect the children.

She said everyone, including teachers, should send a clear message to perpetrators about the law.

"You cannot create a culture of disbelief or a culture where the children are victims twice because you also think that they are lying.

"We cannot have that culture, so we have to create a culture that encourages reporting."

She said Malaysia had adequate laws but it needed to step up on the implementation, so she called on teachers to help the government to do so.

She said more of these conventions, including in other areas, would be organised.

She said her ministry would engage communities or neighbourhood associations to share information on the law and encourage neighbours of victims to report sexual abuse cases.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | GURU, KAKITANGAN TERBABIT JENAYAH AKAN DIPECAT | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH : | 17 MAC 2024 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Guru, kakitangan terbabit jenayah akan dipecat

**Shah Alam:** Guru dan kakitangan sekolah yang didapati terbabit dengan jenayah seksual dalam kalangan pelajar akan dipecat, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Ketika melaungkan amaran itu, beliau berkata kementeriannya sentiasa komited dan berusaha memastikan sekolah menjadi tempat paling selamat kepada pelajar.

Katanya, terdapat peningkatan kes membabitkan gangguan seksual terhadap kanak-kanak ketika ini dan pada tahap membimbangkan.

"Saya ingin menyampaikan amaran, jika terdapat sebarang kes jenayah seksual dalam institusi pendidikan 'you touch, you go' (guru atau pentadbir akan dipecat).

"Kita kena sampaikan amaran itu supaya mereka faham bahawa kita serius untuk memastikan kes (jenayah seksual) ini tidak akan berlaku di sekolah," katanya dalam ucapan pada perasmian Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Perasmian program disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada sidang media selepas itu, Fadhlina mengesahkan kementeriannya sudah menambah jumlah bilangan guru kaunseling di sekolah.

"Betul, dari semasa ke semasa. Itu memang inisiatif, komitmen kita di peringkat kementerian.

"Bukan sahaja isu ini (gangguan seksual), tetapi isu lain juga, termasuk kesihatan mental, isu disiplin lain yang memerlukan komitmen besar dari guru kaunseling terlatih.

"Tahun ini sahaja, kita menambah guru kaunseling untuk murid berkeperluan khas. Jadi, ini adalah inisiatif berterusan untuk menambah bilangan guru kaunseling," katanya.



# Guru, kakitangan sekolah dipecat jika terbabit jenayah seksual dengan pelajar - menteri

Oleh Ruwaida Md Zain - Mac 16, 2024 @ 4:25pm
bhnews@bh.com.my



Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (berdiri kiri) dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (berdiri kanan) menyaksikan sesi tandatangan nota kerjasama antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said (kiri) serta Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek pada Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Shah Alam, hari ini. - Foto NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Guru dan kakitangan sekolah yang didapati terbabit dengan jenayah seksual dalam kalangan pelajar akan dipecat, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Ketika melaungkan amaran itu, beliau berkata kementeriannya sentiasa komited dan berusaha memastikan sekolah menjadi tempat paling selamat kepada pelajar.

Menurutnya, terdapat peningkatan kes membabitkan gangguan seksual terhadap kanak-kanak ketika ini dan ianya membimbangkan.

"Saya ingin menyampaikan amaran hari ini, jika terdapat sebarang kes jenayah seksual dalam institusi pendidikan `you touch, you go' (guru atau pentadbir akan dipecat).

"Kita kena sampaikan amaran itu supaya mereka faham bahawa kita serius untuk memastikan kes-kes (jenayah seksual) ini tidak akan berlaku di sekolah kita," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada perasmian

Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), di sini hari ini.

Perasmian disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada sidang media selepas itu, Fadhlina mengesahkan kementeriannya sudah menambah jumlah guru kaunseling di sekolah.

"Betul, dari masa ke semasa..itu memang inisiatif, komitmen kita di peringkat kementerian.

"Bukan sahaja isu ini (gangguan seksual) tetapi isu lain juga termasuk kesihatan mental, isu displin lain yang memerlukan komitmen besar dari guru kaunseling terlatih.

"Tahun ini sahaja, kita menambah guru kaunseling untuk murid berkeperluan khas. Jadi, ini adalah inisiatif berterusan untuk menambah bilangan guru kaunseling.

"Ini kerana ada keperluan sangat tinggi terhadap kes-kes pelbagai termasuk kes seperti ini," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'YOU TOUCH, YOU GO,' FADHLINA TELLS SCHOOL STAFF | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# 'You touch, you go,' Fadhlina tells school staff

**SHAH ALAM:** Education Minister Fadhlina Sidek has warned teachers and school staff members against sexual harassment, saying that the perpetrators of such acts will be sacked.

"You touch, you go," she said, referring to cases of sexual harassment in schools.

"We have to give this warning so people understand that we are serious about ensuring it (sexual harassment) does not happen in schools," she said at the Convention on the Protection of Students from Sexual Exploitation yesterday.

She said her ministry was committed to ensuring schools were safe for all students.

She said she was concerned about the rising trend of sexual harassment against children.

Fadhlina said during her days as an activist, she was alerted to an incident of sexual harassment involving 20 boys in a school in Sarawak.

"When I asked why they (the students) didn't report the harassment, they said the religious teacher told them that if they told others, their knowledge wouldn't be blessed. They were told to protect the honour of their teachers."

She said the ministry had launched a Safe School Programme to create a learning environment free from sexual harassment, including having more counsellors and through guidelines.

Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, who was present, said her ministry was working with the Education Ministry to boost awareness about the law and sexual exploitation of children. Azalina said laws alone were not enough to combat the exploitation of children and that underreporting was a real problem.

Also present were Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's wife, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, and Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

# 'You touch, you go!' jika laku gangguan seksual kepada murid

Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my



Fadhlina Sidek berucap pada Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. FOTO FAIZ ANUAR

Shah Alam: Kementerian Pendidikan memberi amaran bakal mengambil tindakan pecat kepada mana-mana guru atau kakitangan sekolah yang terbabit dalam gangguan seksual terhadap murid.

Menterinya Fadhlina Sidek berkata, pihaknya sentiasa komited dan berusaha memastikan sekolah menjadi tempat paling selamat kepada murid.

Menurutnya, terdapat peningkatan kes membabitkan gangguan seksual terhadap kanak-kanak dan ianya membimbangkan.

"Saya ingin menyampaikan amaran hari ini, jika terdapat sebarang kes dalam institusi pendidikan, 'You touch, you go!'

"Kita kena sampaikan amaran itu supaya mereka faham bahawa kita serius untuk memastikan kes-kes (penderaan seksual) ini tidak akan berlaku di sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual, di sini, hari ini.

Konvensyen berkenaan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari dan isteri Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Sementara itu semasa sidang media, Fadhlina mengesahkan penambahan jumlah guru kaunseling di sekolah dari semasa ke semasa selaras inisiatif dan komitmen KPM.

"Bukan sahaja isu ini (gangguan seksual) tetapi isu lain juga termasuk kesihatan mental, isu disiplin lain yang memerlukan komitmen besar dari guru kaunseling yang terlatih.

"Tahun ini sahaja, kita menambah guru kaunseling untuk murid berkeperluan khas. Jadi, ini adalah inisiatif berterusan untuk menambah bilangan guru kaunseling.

"Ini kerana ada keperluan sangat tinggi kes-kes pelbagai termasuk kes seperti ini (jenayah seksual)," katanya.

**Disiarkan pada: Mac 16, 2024 @ 3:54pm**

# Bukan saja guru, doktor juga takut lapor jenayah seksual terhadap kanak-kanak, remaja - KKM

Oleh Ruwaida Md Zain - Mac 16, 2024 @ 5:24pm
bhnews@bh.com.my




Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail diiringi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said serta Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek bersama guru yang hadir pada Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam hari ini. - Foto NSTP/ FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Bukan hanya dalam kalangan guru, sebaliknya pegawai dan kakitangan kesihatan juga takut untuk membuat laporan polis berhubung kes jenayah seksual membabitkan kanak-kanak atau remaja yang diterima mereka.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Noor Raihan Khamal, bagaimanapun berkata pihaknya akur dengan undang-undang berhubung perkara itu mengikut Seksyen 19 Akta Kesalahan - kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792].

"Bukan saja guru yang takut hendak buat laporan polis, doktor, paramedik, anggota kesihatan pun takut hendak buat laporan (polis).

"Malah, sebelum ini di klinik kesihatan, kalau ada kes penderaan (seksual) ini, kita minta (rujuk) ke Pusat Krisis Bersepadu (OSCC), biarlah laporan dibuat di situ.

"Namun, kita sedar (ada Akta) Seksyen 19 di mana memberitahu semua bukan saja guru, ibu bapa tetapi sesiapa saja yang mengesyaki terjadi penderaan terhadap kanak-kanak, kita perlu melaporkannya," katanya dalam Forum Ke Arah Melindungi Kanak-Kanak Usahasama, Peranan dan Sokongan Pihak Berkepentingan.

Beliau seorang daripada lima panel forum di Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), di sini, hari ini.

Konvensyen itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Dr Noor Raihan berkata, KKM mengambil inisiatif untuk memberikan latihan kepada setiap anggota kesihatannya, terutama di klinik kesihatan.

"Sebab yang datang dengan aduan itu bukan penderaan, ada yang datang kerana kemurungan tetapi apabila kita terokai dan siasat sejarahnya, rupanya memang mangsa penderaan.

"Kemudian tanda-tanda lain juga seperti sakit semasa membuat air kecil, jangkitan penyakit kelamin (STD), HIV, kehamilan remaja.

"Itulah tanda-tanda yang selalunya mereka ini datang ke klinik kesihatan dan kita sudah melatih anggota kesihatan kita untuk mengenal pastinya. Dan mereka di klinik kesihatan juga boleh membuat 'first information report' untuk memudahkan dan mempercepatkan proses di OSCC," katanya.

Selain itu, katanya, KKM juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan latihan untuk memberikan kesedaran terutama kepada ibu bapa dan guru.

"Kesedaran pentingnya untuk mengenal pasti tanda-tanda penderaan seksual kanak-kanak dan melaporkannya.

Jangan takut lapor, lindungi kanak-kanak dan bawa mereka untuk mendapatkan rawatan dan pembuktian supaya keadilan dapat dilaksanakan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | VITAL TO 'BELIEVE THE CHILD' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Vital to 'believe the child'

## Azalina: You will be charged if you don't report cases

By WANI MUTHIAH and HO JIA WEN
newsdesk@thestar.com.my




**Protection plan:** Azalina with (from left) The Prime Minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and Fadhlina launching the convention at Dewan Jubli Perak, Selangor. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

**SHAH ALAM:** Teachers and school administrators who do not report cases of sexual exploitation would be dealt with by the government, says Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Action would be initiated under Section 19 of the Sexual Offences Against Children Act against educators who sweep such cases under the carpet, she said.

A person who is aware of sexual abuse against a child but does not lodge a police report can be charged and fined up to RM5,000.

"It is an offence if you don't report it. If you know about it and you don't report, you can be charged."

"They should not be worried that action will be taken against them for reporting as the law will protect them," she told reporters after attending the National Convention on the Protection of Pupils from Sexual Exploitation here yesterday.

Azalina said that underreporting was one of the challenges in countering sexual abuse against children.

She made it clear that young sexual assault victims must not be victimised twice: once when they faced the ordeal and again when their complaint is being doubted.

"The main element is to believe the child," said Azalina.

The Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) unit and the Education Ministry also signed a memorandum of understanding to combat underreporting of sexual crimes involving children.

The purpose, said Azalina, was to help teachers and school administrators comprehend Section 19 as well as to encourage them not to look away but instead report cases of sexual abuse against children.

Education Minister Fadhlina Sidek warned that teachers who behaved inappropriately by sexually abusing and exploiting their students would be given the boot.

"You touch, you go," she warned, adding that schools must not cover up such cases out of fear that it would tarnish their image and reputation.

"School is the second safest place for students after their home, so teachers must be trained and guided to report such cases that happen in their school," Fadhlina said in her speech at the convention.

Fadhlina added that children must also be given the necessary support to speak up.

She narrated the case of a boy who was sexually exploited by an ustaz but who did not report the assault because he was told it was his duty, as a student, to protect his teacher's reputation.

The victim also thought that all the knowledge he received from the religious teacher would not be blessed if he were to expose his religious teacher, she recounted.

During a panel discourse at the convention, Bukit Aman Sexual, Women and Child Investigations Division (D11) assistant director Asst Comm Siti Kamsiah Hassan said children made up 70% of all reported sexual abuse cases.

"They are at a high risk of facing sexual crimes because they have a lesser ability to protect themselves and to understand the true nature of the crime," she said.

ACP Siti Kamsiah said most perpetrators were above 18 years of age, but there have been cases where children were also the culprits.






Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail merasmikan Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Shah Alam pada 16 Mac 2024. Hadir sama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang Dan Reformasi Institusi) Dato' Sri Azalina Othman Said. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

# MB: Perkukuh dasar pembangunan kanak-kanak, kekang gangguan fizikal, emosi

March 16, 2024 **7:00 pm**

SHAH ALAM, 16 MAC: Kerajaan Negeri menjalin kerjasama kukuh dengan agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membentuk dasar pembangunan kanak-kanak.

Dato' Menteri Besar berkata langkah itu membuka ruang untuk golongan terbabit melaporkan sebarang kes yang berlaku termasuk penderaan dan gangguan fizikal, seksual atau emosi.

"Isu ini memberi impak besar kepada generasi akan datang. Jadi perlu ada kerjasama dengan banyak pihak demi memastikan generasi masa depan dapat memandu dan memimpin negara lebih baik," kata Dato' Seri Amirudin Shari hari ini.

Beliau berucap di Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak yang dirasmikan Menteri Undang-undang Datuk Seri Azalina Othman Said.



*Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berucap ketika Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Shah Alam pada 16 Mac 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI*

Sementara itu beliau berharap konvensyen berkenaan dapat diperluas ke akar umbi komuniti bagi memberi kesedaran tentang bahayanya eksploitasi seksual kepada generasi masa depan.

"Berdasarkan pengalaman, isu mengaibkan ini turut berkait dengan faktor ekonomi, cara hidup dan pemahaman agama. Lebih merungsingkan ia melibatkan beberapa tokok atau watak agama.

"Jadi tak boleh dibiarkan sesuka hati. Kesedaran ini dan perlu ditangani semua pihak, bukan hanya dari keluarga atau pihak sekolah sahaja," katanya.



*Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Dato' Sri Azalina Othman Said dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Dato' Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail bergambar bersama selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Shah Alam pada 16 Mac 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOW CREATES SOCIAL NETWORK FOR WOMEN CYCLING ENTHUSIASTS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# WOW creates social network for women cycling enthusiasts



This special cycling programme has been run annually since its first flag-off during the International Women's Day on March 8, 2021. — Bernama photos



WOW aims to raise awareness among the public of the importance in respecting cyclists, especially women.



Chew, one of the participant, hails WOW as a good platform in encouraging more women to participate in sports.

PARTICIPATION in sports has shown to positively impact the physical and mental wellbeing, but major challenges remain, especially among women.

Common barriers cited include lack of time, availability, awareness of sport, low confidence as well as safety and security factors. There are those who are less motivated to sports due to their lack of friends with shared interest.

Cognisant of these challenges, a programme known as Women on Wheels (WOW) – a leisure cycling programme for women – was held here recently, in conjunction with International Women's Day 2024, with the objective of creating a social network for cycling enthusiasts.

Held for the first time to mark the annual International Women's Day on March 8 in 2021, the WOW programme was jointly organised between two cycling clubs, South Puchong Cycling Club (SPCC) and AFG, as well as a bicycle shop QB Cycle Service Bay, to attract more women to cycling, which is regarded as a safe and disciplined activity.

**Overcoming inhibitions**

According to WOW founder Dilla Ramli, participation for the programme has reached 150 over the last two years, compared to 30 at the onset.

"We're indeed encouraged by the overwhelming response to our programme, with more women joining WOW cycling activities to improve their health and boost their self-confidence," she told Bernama.

Elaborating, she said this year's programme was focused on helping women overcome their inhibitions when cycling in groups, particularly with men cyclists.

"WOW's objective is to bring together all women bicycle enthusiasts to cycle in groups, socialise and support each other.

"WOW also wants to create awareness among the public to respect cyclists, especially women," she said, adding that the programme was aimed at wiping out discrimination especially in terms of treatment towards women who are active in sports.

Dilla also expressed hope that through the programme, the sponsors could unite women from various backgrounds to share their experience and foster positive relationship, as well as to strengthen the social network for mutual benefit.

"This year's programme, held in conjunction with International Women's Day, meant to recognise women's role and contributions to the society," she added.

**Men's participation**

At the same time, Dilla said WOW had also invited men cyclists to provide technical, safety and security assistance for women cyclists.

"The men are our support team, playing their role as bicycle and motorcycle marshals. In other words, they are behind-the-scene as we want women cyclists to be at the forefront," she added.

However, she noted that the majority of women participants in WOW were experienced cyclists.

Sharing similar sentiments, WOW project manager Dr Syazana Alia Sabrudin said WOW 2024 recorded the participation of several cyclists who shared their experience and expertise with the newcomers.

"Cycling is generally perceived as a male-dominated activity, but in actual fact, we have women cyclists who are very experienced and highly skilled, and they have been sharing safe cycling tips on the road for other participants," she added.

Additionally, she also said for the first time, the WOW's initiative this year had received the support from the Ministry of Youth and Sports.

"As such, we will ensure that in future, WOW will enrich its programme with various activities including health screening for women," said Dr Syazana Alia.

**Healthy lifestyle**

Wendy Chew, 69, said she had no reason for not being actively engaged in cycling.

"This is my first time with WOW and I knew about this programme through the social media."

However, she signed up for the cycling activity alone as she had no friends who shared her interest.

"Despite being alone, I was eager to participate as WOW was set up to promote a healthy lifestyle in addition to empowering women through sports, enabling them to face and overcome life's challenges with confidence.

"I consider WOW as a good platform in encouraging more women to participate in sports, unlike in the past, women's place was only in the home," she said, adding that the role of women today is a far cry from what it was decades ago, with more women at the forefront of national development.

Adding on, QB Cycle Service Bay shop owner Nur Hazwany Halim said as a cyclist with 10 years of experience in the sport, she understood the problems faced by women who cycled in groups.

"I noticed that some cycling enthusiasts were left behind (in terms of stamina) and some were rather reluctant to cycle in big groups.

"This programme can help build confidence among women as they only cycle among themselves," she said, adding that the number of women involved in the cycling activity had also been on the rise.

— Bernama

# Kanak-kanak mudah dipujuk, diperdaya pelaku jenayah seksual - Polis

Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my




SITI Kamsiah (dua dari kanan) pada sesi forum sempena Konvensyen Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual. FOTO Faiz Anuar

Shah Alam: Begitu mudah kanak-kanak dipujuk dan diperdaya oleh pelaku jenayah seksual hari ini sehingga sanggup berkongsi gambar bogel serta aksi seksual.

Perkara itu didedahkan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Polis Persekutuan, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan dalam Forum Ke Arah Melindungi Kanak-Kanak Usahasama, Peranan dan Sokongan Pihak Berkepentingan.

"Tanpa sentuhan fizikal juga, jenayah seksual boleh berlaku semudah bersembang sahaja...mereka berkongsi imej bogel hanya kerana dipujuk, diperdaya.

"Ada beberapa kes hari ini, mereka diperdaya untuk berkongsi bahan beransur seksual, gambar bogel, aksi seksual dan sebagainya.

"Akhirnya mereka dijadikan mangsa pemerasan seks dan ini memberikan kesan trauma mangsa itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel forum di Konvensyen Kebangsaan Mengenai Perlindungan Murid Daripada Eksploitasi Seksual di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK), di sini hari ini.

Konvensyen berkenaan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Siti Kamsiah berkata, polis mencatatkan 70 peratus daripada keseluruhan kes jenayah seksual membabitkan mangsa kanak-kanak.

Katanya, kanak-kanak berisiko tinggi menjadi mangsa jenayah seksual berikutan kelemahan mereka dan keupayaan terhad untuk melindungi diri mereka atau memahami sifat jenayah terbabit.

**Disiarkan pada: Mac 16, 2024 @ 8:59pm**

# Child sexual abuse victims have 30 times more likelihood for suicidal behaviour

By Iylia Marsya Iskandar - March 16, 2024 @ 5:12pm




Health Ministry public health expert Dr Noor Raihan Kamal said children who experienced childhood trauma as sexual crime victims have 30 times more of a risk for suicidal behaviour.

SHAH ALAM: Children who experienced childhood trauma as sexual crime victims have 30 times more of a risk for suicidal behaviour.

Health Ministry's public health expert Dr Noor Raihan Kamal said child victims after experiencing any forms of sexual abuse or harassment are at risk of being scarred mentally even when reaching adulthood.

She said male child victims are at 14 times risk of becoming a perpetrator whilen female child victims, on the other hand, have a likelihood to become domestic violence victims.

"Through our One Stop Crisis Centre (OSCC), in 2022, there are 9,704 cases of all types of abuse while last year, the cases have increased significantly with a total of 9,704.

"Of this number, 42 per cent involved child abuse and half of that number are sexual abuse cases which include rape and harassment," she said during a panel session at the Convention on the Protection of Students from Sexual Exploitation, here, today.

She assured all victims that the OSCC is opened round-the-clock at all government hospitals adding that healthcare workers at government clinics could also perform a first information report and refer victims to hospitals.

She said any victim who has yet to lodge a police report, they can do so at the respective OSCC.

# Tukang kebun didakwa rogol kanak-kanak

Published on: Saturday, March 16, 2024
By: Cynthia D Baga



*Kesalahan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan. Mahkamah menetapkan 29 April tahun ini untuk pengurusan kes dan memerintahkan Darwis direman sementara menunggu kesnya selesai.*

**KOTA KINABALU:** Seorang lelaki Indonesia berusia 53 tahun didakwa atas dua pertuduhan merogol seorang gadis bawah umur.

Tukang kebun Darwis Muhammad, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus, atas pertuduhan yang dikenakan ke atasnya, pada Jumaat.

Bagi pertuduhan pertama, Darwis didakwa merogol kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun itu di dalam sebuah pondok di Kg Pintasan, di Kota Belud pada November 2023.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa merogol kanak-kanak sama di tempat dan masa yang sama pada 23 Dis, 2023.

Kesalahan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan itu membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun, dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 29 April tahun ini untuk pengurusan kes dan memerintahkan Darwis direman sementara menunggu kesnya selesai.

Timbalan Pendakwa Raya Tham Pou Jin tampil untuk pendakwaan manakala Darwis tidak diwakili.

Dalam kes berasingan, seorang lelaki berusia 43 tahun dijatuhi hukuman penjara lima tahun dan diperintah dikenakan sebatan kerana berulang kali mengambil syabu.

Ajery Kassim mengaku bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen Amir Shah Amir Hassan atas pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Dia didapati mengambil dadah itu pukul 6.10 petang pada 29 Jan tahun ini selepas air kencingnya didapati positif dadah di balai polis di sini.

Ajery mempunyai tiga rekod sabitan lampau kerana mengambil dadah.

Selepas menjalani hukuman penjara, Ajery diperintahkan untuk diletakkan di bawah pengawasan polis selama tiga tahun.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CLAIMS OF SEXUAL HARASSMENT BY MALE DOCTOR UNDER PROBE | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 17 MAC 2024 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Claims of sexual harassment by male doctor under probe

**PETALING JAYA:** An independent committee has been set up to investigate allegations of sexual harassment involving healthcare personnel at Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh, says the Perak Health Department.

Its director Dr Feisul Idzwan Mustapha said a letter with the allegations was received by post on Feb 28.

Following which an investigation committee, comprising officers appointed by Health Ministry deputy director-general (medical) Datuk Dr Nor Azimi Yunus, was set up the next day.

"Evidence is being collected as part of the investigation process. The Health Ministry views these accusations seriously and has zero tolerance for sexual harassment at the workplace," said Dr Feisul in a statement yesterday.

In the letter, a group of housemen accused a male doctor at the hospital of sexual harassment.

The anonymous letter addressed to the hospital director has since gone viral on social media.

The junior doctors claimed that they had taken the matter to the hospital director as the department head could not resolve the problem, adding that those who were supposed to protect them had failed to do so.

Aside from sexual harassment, they also alleged that the male doctor forced junior doctors to input false information in the hospital information system.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said in May last year that incidents of workplace violence against Health Ministry staff rose by 196% from 167 cases in 2017 to 494 cases in 2019, before dipping to 321 cases in 2020 and 260 cases in 2021.

Dr Muhammad Radzi said that any form of violence, be it physical, verbal, sexual or written, could disrupt productivity.

The ministry also launched the second edition of the Guidelines for Preventing and Managing Violence Against MOH Staff in Health Facilities last year, which was an update to the guidelines published on April 28, 2017.

The guidelines, Dr Muhammad Radzi said, was an improvement in terms of definition, scope, handling of violence cases and notification processes.

# Doktor pelatih dakwa terima gangguan seksual diminta buat laporan polis

Sinar Harian
Mac 16, 2024 17:56 MYT




*A Sivanesan (foto) berkata, setakat ini pihaknya dimaklumkan tiada sebarang laporan dibuat mangsa sekali gus menyukarkan siasatan dijalankan. -Foto Sinar Harian*

**IPOH:** Doktor pelatih di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini yang mendakwa menerima ugutan dan diganggu secara seksual oleh seorang doktor diminta segera tampil membuat laporan polis.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, setakat ini pihaknya dimaklumkan tiada sebarang laporan dibuat mangsa sekali gus menyukarkan siasatan dijalankan.

"Ini satu dakwaan serius yang melibatkan pasukan pengamal perubatan. Sekiranya dakwaan itu benar seperti berlaku, mereka perlu membuat laporan kepada pihak berkuasa.

"Tindakan sewajarnya termasuk pecat dari jawatan boleh dikenakan ke atas doktor terlibat," katanya ketika dihubungi pada Sabtu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas surat layang yang dikongsi di media sosial mendakwa, seorang doktor lelaki telah mengganggu secara seksual beberapa doktor pelatih wanita di Jabatan Ortopedik HRPB dengan meraba, menyentuh bahagian tali bra, mencubit badan dan peha serta bercakap lucah.

Perkara itu dikatakan telah berlaku sekian lama, namun tidak dilaporkan kerana mangsa takut akan ugutan yang diberikan doktor berkenaan termasuklah mahu memanjangkan tempoh 'tagging' dan latihan selain akan dilabel sebagai pelatih bermasalah.

Sivanesan berkata, dakwaan dan aduan yang dibuat menerusi surat layang seumpama itu boleh diragui kesahihannya serta memberi pandangan negatif terhadap pihak lain.

"Saya khuatir jika dakwaan ini tidak benar, nanti akan merosakkan reputasi dan nama baik pegawai terlibat.

"Sebaiknya buat laporan polis atau jika takut, boleh datang berjumpa dengan saya dengan memberikan maklumat sebenar," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri mengesahkan tiada laporan diterima berhubung kes terbabit.

"Tiada lagi laporan setakat ini," katanya.

Media melaporkan, Kementerian Kesihatan (KKM) akan menjalankan siasatan menyeluruh berhubung dakwaan berlakunya gangguan seksual dan ugutan dilakukan seorang doktor di HRPB di sini.

Pengarah Kesihatan Negeri Perak, Dr Feisul Idzwan Mustapha berkata, satu Jawatankuasa Penyiasatan Bebas telah ditubuhkan pada 29 Februari lalu bagi menyiasat perkara berkenaan. -*Sinar Harian*